



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**PROGRAM RAKAN MUDA RAMADAN
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

28 MAC 2024

**MASJID JAMEK AN-NUR
LABUAN**

Terima kasih pengurus majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya dapat kita bersama-sama mengimarahkan Masjid Jamek An-Nur sempena Program Rakan Muda Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan pada hari ini.
2. Sempena Ramadan yang telah kita tempuji selama 18 hari ini, saya mendoakan semoga Allah SWT memberkati ibadah kita semua dan melimpahkan segala kebaikan yang ada pada bulan ini kepada kita semua.

GOLONGAN BELIA PENERAJU MASA DEPAN NEGARA

Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin sekalian,

3. Saya amat gembira pada hari ini kerana dapat bertemu dengan segmen masyarakat belia di Labuan. Saya percaya, golongan belia memainkan peranan yang cukup penting dalam memastikan aspirasi kerajaan melalui Malaysia MADANI dapat dijayakan.
4. Sehubungan itu, saya berpendapat penting untuk kami di pihak Kerajaan memahami dan mendengar hasrat hati dan impian anda semua memandangkan anak-anak muda ini membentuk segmen yang besar dalam populasi Malaysia seramai kira-kira 9.6 juta orang.
5. Proses membangunkan belia ini satu usaha yang *crucial* dan memerlukan satu perancangan yang strategik sama ada bersifat jangka masa panjang mahupun jangka masa pendek. Kita sering menggunakan ungkapan bahawa belia pewaris negara atas kesedaran bahawa masa depan negara adalah bergantung kepada generasi belia pada masa kini.
6. Memperakui peranan besar golongan belia dalam mengisi wawasan negara dan menyedari hakikat perlunya agenda pembangunan belia dirancang secara bersepadu, Dasar Pembangunan Belia Negara telah menggariskan 7 strategi yang perlu dilaksanakan iaitu pembangunan ilmu, pembentukan sikap, pembangunan kemahiran dan keusahawanan, pemupukan gaya hidup sihat, kemudahan interaksi sosial, perkongsian dan pembangunan, serta jaringan hubungan antarabangsa.

7. Sehubungan itu, saya melihat program Rakan Muda ini amat bertepatan dalam pemerkasaan pembangunan jati diri belia selain menyemai gaya hidup yang positif dalam kalangan anak muda.

PROGRAM RAKAN MUDA RAMADAN PERINGKAT WP LABUAN

Saudara saudari sekalian,

8. Saya difahamkan Program Rakan Muda Ramadan ini merupakan satu program ikonik di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan dilaksanakan pada setiap tahun pada bulan Ramadan di seluruh Malaysia.
9. Program seperti ini merupakan antara platform yang baik untuk menarik minat anak muda untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan dengan pengisian pelbagai aktiviti dan program kerohanian, disamping mengeratkan ukhuwwah dan persaudaraan dalam kalangan belia dari pelbagai latar belakang.
10. Tahniah saya ucapkan kepada golongan belia di Labuan kerana memanfaatkan sepenuhnya bulan Ramadan yang mulia ini dengan menyertai program-program seperti ini. Syabas saya ucapkan!
11. As-Syahid Hasan al Banna ada menyebut mengenai 4 sifat dalam diri anak muda yang tidak ada pada golongan lain iaitu kepercayaan, ikhlas, semangat dan amat. Ini adalah kerana asas iman adalah hati yang cerdas, asas keikhlasan adalah hati yang murni, asas semangat adalah perasaan yang kuat dan asas amal adalah keazaman yang kuat, dan ini semua dikatakan oleh Hasan

al Banna ada dalam diri golongan belia seperti saudara dan saudari semua.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

12. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Labuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang telah bersama-sama merealisasikan dan menjayakan program pada hari ini.
13. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada semua agensi kerajaan, swasta, NGO dan rakan strategik utama yang turut menjayakan program ini.
14. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Berpuasa dan Selamat Menyambut Aidilfitri yang bakal menjelang kepada saudara dan saudari. Semoga Allah SWT memberikan kita semua kekuatan dan kemudahan untuk menjalani ibadah ini.
15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program Rakan Muda Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan dan Program Rakan Bumi: Selamatkan Makanan.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.